



BERITA PASIR GUDANG

TERBITAN RASMI MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG

EDISI PERTAMA | 01
JANUARI - FEBRUARI 2020 | هـ 1441

جَانِيُّ الْأَوَّلِ - جَنَّةُ الْأَوَّلِ



AMANAT YANG DIPERTUA TAHUN 2020



4 Pasir Gudang Berselawat
Pembuka Tirai 2020

9 Karnival Riu Anti Dadah
Peringkat Negeri Johor 2020

14 Kejohanan Liga Yang Dipertua
MPPG Edisi 2019

ISI KANDUNGAN

- 3 Amanat Yang Dipertua MPPG Tahun 2020.
- 4 Pasir Gudang Berselawat Pembuka Tirai 2020.
- 5 Program Mempromosikan Tahun Melawat Johor 2020.
Lawatan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).
- 6 Perhimpunan Pagi Bulan Februari 2020.
Mesyuarat Bersama Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Pasir Gudang (YPG).
- 7 Karnival Kerjaya Jobs Malaysia @ UTC.
Program *It's Movie Time*.
- 8 Lawatan Majlis Perbandaran Alor Gajah Melaka (MPAG).
- 9 Karnival Riuh Anti Dadah Peringkat Negeri Johor 2020.
- 10-12 Lensa MPPG Januari - Februari 2020.
- 13 Program Laman Hijau MPPG
- 14 Kejohanan Liga Yang Dipertua MPPG Edisi 2019
- 15 Majlis Anugerah Kecemerlangan UTC Pasir Gudang 2018/2019
- 16-17 **WALKABOUT:**
YDP Bantu Selesai Masalah Setempat Di Zon Pasir Putih Dan Zon Kota Masai 1
Walkabout Bersama Yang Dipertua Di Zon Tanjung Puteri
- 18-19 Yayasan Pasir Gudang
- 20 LAMAN INFO : Festival Layang-Layang Sedunia Ke-25 Tahun 2020



AJK SIDANG REDAKSI 2020

PENASIHAT

Tuan Haji Zainor bin Adani
Yang Dipertua MPPG

KETUA EDITOR

Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd. Manap
Setiausaha MPPG

PENOLONG KETUA EDITOR

Encik Nik Masri bin Moharani
Pegawai Tadbir MPPG

PENGARANG

Encik Basar bin Kallil

PEMBERITA

Puan Nadztasha binti Mohd Puad

JURUFOTO

Encik Khairul Anuar bin Muhamad Sayut
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazil

DIREKTORI

JABATAN & UNIT MPPG

JABATAN / UNIT	NAMA	TELEFON
Yang Dipertua	Haji Zainor bin Adani	07-254 7701
Setiausaha	Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd. Manap	07-254 7702
Pembantu Khas Yang Dipertua/ Setiausaha Pejabat	Zanariah binti Haji Mohd Basri	07-254 7703
Ketua Jabatan Khidmat Pengurusan	Haji Adnan bin Abd Ghani	07-254 7781
Ketua Jabatan Kewangan	Mariaton binti Ibrahim	07-254 7710
Ketua Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	Sr. Haji Mohd Ali bin Mohamed Abu Backer	07-254 7741
Ketua Jabatan Perancang Bandar	Haji Nor Rahman bin Mustaffa	07-254 7726
Ketua Jabatan Kawalan Bangunan	Haji Ismail bin Mat Taib	07-254 7724
Ketua Jabatan Kejuruteraan	Abd Majid bin Saphie	07-254 7714
Ketua Jabatan Pengurusan	Haji Sharif bin Idros	07-254 7752
Ketua Jabatan Kesihatan Awam	Haji Mohd Yusof bin Abd Wahab	07-254 7718
Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat	Hajah Rahmah binti Mahmood	07-254 7740
Ketua Unit Audit Dalaman	Abdul Malek bin Mohamed	07-254 7737
Ketua Unit Undang-Undang	Nurazam bin Razali	07-254 7723
Unit Korporat & Perhubungan Awam	Nik Masri bin Moharani	07-254 7705
Ketua Unit Pusat Sehenti	Sarimawati binti Misbari	07-254 7865
Ketua Cawangan Pesuruhjaya Bangunan	Siti Nurashikin binti Abdul Rahman Tan	07-254 7872


PEJABAT-PEJABAT CAWANGAN MPPG

PEJABAT CAWANGAN	NAMA	TELEFON
Perpustakaan Awam Pasir Gudang	Hajah Roslina binti Mohd Othman	07-251 7912
Pengurus Sarang Buaya	Abdul Malek bin Aziz	07-251 7208
Pengurus Yayasan Pasir Gudang	Shahrul Akmal bin Johari	07-254 7768
Muzium Layang-Layang	Nur Lina binti Abdul Karim	07-252 7796
Seramik Pasir Gudang	Mohd Junaidi bin Sahlan	07-252 8255
UTC Pasir Gudang	Mohd Shariman bin Shai In	07-255 6910
Pejabat Cawangan MPPG Jalan Gunung Seri Alam	Haji Sharif bin Idros	07-387 1025 07-387 1026 07-387 1027

PEJABAT AM

Aras 19, Menara Aqabah, Jalan Bandar, 81700 Pasir Gudang, Johor
Tel : 07-254 7777 / 251 3720 Faks : 07-251 5260

Sebarang maklum balas atau pandangan terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh MPPG hubungi kami melalui saluran di bawah :





AMANAT YANG DIPERTUA TAHUN 2020

AMANAT YANG DIPERTUA bagi tahun 2020 dimulakan dengan ucapan selamat tahun baru kepada semua warga kerja. Beliau juga mengharapkan agar semua warga kerja bersedia menyahut cabaran tahun baru dengan azam dan cekal yang baru dalam mendepani pelbagai cabaran khusus dalam bidang kerja masing-masing.

Selain itu, fokus turut diberikan kepada beberapa perkara utama, antaranya Audit Persijilan Semula Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) 2020-2022 pada April 2020. Yang dipertua juga turut meminta semua warga kerja sama-sama menyokong usaha mempromosikan Pasir Gudang sebagai kawasan pelancongan. Dengan penganjuran dua acara besar pada tahun 2020 iaitu penganjuran Sukan Sukma di mana Johor dipilih sebagai tuan rumah manakala Pasir Gudang pula dipilih venue bagi acara gimnastik dan juga penganjuran Ulang Tahun ke-25 Jubli Perak bagi Festival Layang-Layang Sedunia Pasir Gudang yang bakal dianjurkan bulan Februari nanti.

Menyingkap kembali pencapaian MPPG sepanjang tahun 2019, Yang Dipertua turut melahirkan rasa syukur dan jutaan tahniah kepada seluruh warga kerja atas pencapaian gemilang yang diraih sepanjang tahun 2019. MPPG telah menerima sebanyak 13 pengiktirafan di peringkat antarabangsa, kebangsaan dan Negeri. Semua kejayaan tidak akan tercapai sekiranya tanpa mendapat kerjasama dan komitmen daripada seluruh warga kerja MPPG. Semoga kita dapat menghadapi dan mengharunginya bersama bagi memastikan kesemua program-program tersebut berlangsung dengan jayanya.

Beliau turut mengingatkan warga kerja cabaran-cabaran yang bakal digalas sepanjang menempuh tahun 2020 yang lebih mencabar. Tidak lupa, beliau turut memberi teguran dalam menggesa semua warga kerja agar sentiasa menjaga etika dan disiplin serta memberikan perkhidmatan yang

terbaik kepada masyarakat khususnya warga Pasir Gudang selain menjalankan tanggungjawab yang diamanahkan dengan penuh integriti yang merupakan budaya kerja MPPG. Penekanan perlulah diberikan kepada tanggungjawab utama selaku PBT yang melibatkan pemantauan kebersihan, alam sekitar dan kutipan sampah yang cekap dan sempurna, memastikan infrastruktur jalan raya dan jaringannya yang baik dan selamat serta penyelenggaraan jalan raya yang berterusan dengan memastikan sistem lampu isyarat dan lampu jalan berfungsi pada tahap yang sempurna. Anggota *frontliner* haruslah sentiasa peka dan mengambil perhatian terhadap etika dalam melayan pelanggan, menerima panggilan, aduan dan lain-lain.

“Bagi menggalas tanggungjawab ini, warga kerja terpaksa berhadapan dengan persekitaran yang semakin membangun dan mencabar. Masyarakat kini bukanlah seperti masyarakat dahulu kala yang sukar mendapatkan maklumat tentang sesuatu perkara. Masyarakat kini adalah lebih celik dan mampu menilai sesuatu perkara berdasarkan maklumat yang mudah diperolehi pada masa kini. Di dalam kita memastikan nama MPPG sentiasa sebaris dengan bandaraya-bandaraya yang lain dengan pelbagai pencapaian dan anugerah-anugerah yang diterima, kita janganlah alpa dengan tanggungjawab kita sebagai penjawat awam dan seterusnya berkhidmat untuk masyarakat, juga memperkasakan perlaksanaan penguatkuasaan melalui tindakan undang-undang di bawah akta yang diperuntukkan”.

Majlis berakhir dengan sesi memperkenalkan warga kerja baru turut diadakan, dan bacaan ikrar warga kerja. Seramai 6 warga kerja baru telah dilantik pada tahun 2020. Dalam majlis yang sama, sesi penyampaian cenderahati kepada barisan Ahli Jawatankuasa Majlis Bersama Jabatan (MBJ) MPPG turut diadakan.



PASIR GUDANG BERSELAWAT

PEMBUKA TIRAI 2020



“Dan
BERSELAWATLAH
ke atasku,
Sesungguhnya
SELAWATMU
itu akan sampai
kepadaku
di mana jua
kamu berada.”
(Hadis Rasullullah S.A.W.)

PASIR GUDANG membuka lembaran Tahun 2020 dengan laungan dendangan selawat kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. bergema di segenap Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang dalam program Pasir Gudang Berselawat.

Pasir Gudang Berselawat yang merupakan program tahunan MPPG ini diadakan di Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang yang disertai hampir 2,000 muslimin dan muslimat dari dalam dan luar Pasir Gudang.

Bagi edisi kali ini, YBhg. Tuan Habib Syech bin Abdul Qodir Assegaf bersama kumpulannya sekali lagi telah dijemput bagi bersama-sama mengetuai bacaan alunan selawat serta zikir dan qasidah. Antara objektif penganjuran program ini ialah memperteguh hati dan jiwa, menzahirkan kegembiraan kita terhadap Nabi Muhammad S.A.W. sebagai rahmat untuk sekalian alam dan menyuburkan rasa cinta kepada Allah dan Rasullah S.A.W. Sambutan tahun baru secara islamik ini dilihat dapat memberikan lebih pengisian rohani kepada pengunjung yang hadir. Beberapa lagu qasidah dan selawat seperti Ya Hanana, Ya Habibi, Qasidah Iftitah, Ya Imama Rusli, Busyra Lana serta banyak lagi lagu-lagu bacaan selawat yang telah diperdengarkan.

Hadir sama dalam program ini, Pegawai Kewangan Negeri Johor, Yang Berhormat Dato' Haji A.Rahim bin Haji Nin, Ahli Parlimen Pasir Gudang, Yang Berhormat Tuan Haji Hassan bin Abdul Karim, Yang Dipertua MPPG, Tn. Haji Zainor bin Adani, Ahli-Ahli Majlis MPPG, serta muslimin dan muslimat.



YBhg. Tuan Habib Syech bin Abdul Qodir Assegaf memimpin bacaan selawat bersama-sama dif-dif jemputan yang turut hadir.



PROGRAM MEMPROMOSIKAN

Tahun Melawat Johor 2020



TAHUN BARU 2020 dimulakan dengan inisiatif Majlis Perbandaran Pasir Gudang dalam mempromosikan Johor khususnya Pasir Gudang sebagai Tahun Melawat Johor 2020. Melalui Unit Promosi Jabatan Pembangunan Masyarakat MPPG dengan kerjasama Tourism Johor, Terminal Penumpang Pasir Gudang Sdn. Bhd. dan beberapa agensi kerajaan, program ini telah diadakan pada 1 Januari yang lalu bertempat di Stadium Perbandaran Pasir Gudang. Program ini diadakan dengan sambutan ketibaan pelancong/penumpang yang tiba di pintu-pintu masuk pada 1 Januari 2020 bersempena Tahun Melawat Johor 2020. Pihak Tourism Johor telah melantik beberapa pemilik pintu-pintu masuk sebagai penyelaras bagi menjayakan program ini. Kesemua pelancong telah dibawa ke Stadium Perbandaran Pasir Gudang bagi acara sambutan dan penyampaian cenderahati. Selain itu, edaran brosur dan risalah pelancongan Pasir Gudang turut di edar kepada para pelancong.



Lawatan

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)



MPPG telah menerima lawatan Unit Muzium Petaling Jaya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya ke Muzium Pasir Gudang pada 26 Februari 2020. Delegasi telah diketuai oleh Puan Ainul Farhiah binti Abdul Wahab, Penolong Pengarah Kanan 1 Bahagian Sumber Ilmu, Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan MBPJ.



Tujuan lawatan ini diadakan adalah bagi meninjau serta mempelajari penganjuran pertandingan layang-layang antarabangsa, memberi informasi serta bertukar-tukar pandangan mengenai pengurusan dan pentadbiran serta aktiviti di Muzium Layang-Layang Pasir Gudang. Delegasi kemudian dibawa mewakil Perpustakaan Awam Pasir Gudang dan seterusnya ke Santuari Sarang Buaya. Program berakhir jam 1.00 tengahari selepas jamuan makan tengahari.

Semoga lawatan yang dianjurkan ini mampu memberikan serba sedikit informasi dan mencapai objektif penganjurannya.



Delegasi turut dibawa mewakil ke Santuari Sarang Buaya Pasir Gudang.



Bergambar bersama Ketua Jabatan Pembangunan Kemasyarakatan MPPG, Puan Rahamah binti Mahmood selepas sesi taklimat dan lawatan di Muzium Layang-Layang Pasir Gudang.



Yang Dipertua menyertai aktiviti senam aerobik yang diadakan.



PERHIMPUNAN PAGI // / BULAN FEBRUARI 2020

PERHIMPUNAN BULANAN merupakan satu platform yang menghubungkan tuan Yang Dipertua dan warga kerja MPPG. Melalui perhimpunan ini, Yang Dipertua berpeluang menyampaikan amanatnya dan perkara-perkara yang ditimbulkan yang menjadi dasar dan amalan kerajaan yang perlu dilaksanakan oleh penjawat awam. Ucapan Wakil Ketua Jabatan bagi bulan Februari telah disampaikan oleh Puan Mariaton binti Ibrahim, Ketua Jabatan Kewangan. Dalam program perhimpunan pagi ini juga Yang Dipertua turut menyampaikan cenderahati kepada warga kerja yang lahir pada bulan Februari.

Program berakhir dengan sesi senaman aerobik oleh semua warga kerja yang turut disertai oleh Yang Dipertua.



Yang Dipertua menyampaikan cenderahati kepada warga kerja yang lahir pada bulan Februari.



MESYUARAT BERSAMA AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YAYASAN PASIR GUDANG (YPG)



YB Liow Cai Tung selaku Pengurus YPG mempengerusikan mesyuarat.

MESYUARAT telah diadakan pada 3 Februari yang lalu bertempat di Bilik Mawar Aras 20 Menara Aqabah dan telah dipengerusikan oleh YB Liow Cai Tung, Pengurus Yayasan Pasir Gudang. Turut hadir dalam mesyuarat ini ialah Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor Bin Adani, Ahli-Ahli Lembaga Pemegang Amanah YPG serta kakitangannya.

Antara isu yang dibincangkan ialah mengenai hala tuju Yayasan Pasir Gudang, pembentangan ringkas aktiviti sepanjang 2019 serta cadangan penglibatan aktiviti YPG bagi tahun 2020. Mesyuarat tamat kira-kira jam 5.00 petang.



KARNIVAL KERJAYA JOBS MALAYSIA anjuran JobsMalaysia telah berlangsung di Dewan Besar Kompleks Pusat Bandar & UTC Pasir Gudang pada 23 Februari 2020 dari jam 9 pagi hingga 5 petang. Karnival ini juga memberi peluang kepada semua warganegara Malaysia yang mencari pekerjaan khususnya di kawasan Pasir Gudang. Antara program dan aktiviti yang diadakan adalah temuduga terbuka, pendaftaran akaun JobsMalaysia, dan klinik kerjaya.



BIRO SOSIAL di bawah Kelab Sukan & Kebajikan MPPG (KSK MPPG) telah menganjurkan program “IT'S MOVIE TIME!!” pada 1 Februari 2020. Seramai 114 orang warga kerja MPPG bersama keluarga telah menyertai program ini.

Program yang pertama kali dianjurkan ini telah mendapat sambutan yang luar biasa dari warga kerja. Antara objektif program santai ini diadakan adalah bagi memberi peluang kepada warga kerja untuk berhibur dan meluangkan masa bersama keluarga dan anak-anak. Anak-anak warga kerja berusia 2 hingga 12 tahun dilihat amat seronok menghabiskan masa bersama ibu bapa menonton wayang, malahan, terdapat juga warga kerja yang berpasangan, adik beradik dan ibu bapa untuk turut serta bersama-sama dalam aktiviti ini.

Aktiviti menonton wayang ini telah diadakan di TGV Aeon Mall Tebrau City dan genre hiburan yang dipilih ialah filem berunsur komedi dan kanak-kanak. Program tamat pada jam 3.00 petang dan diakhiri dengan sesi bergambar bersama seluruh warga kerja yang menyertai aktiviti ini.

Puan Noraini Othman, seorang warga kerja dari Unit Korporat dan Perhubungan Awam (UKPA) MPPG berkata, “Saya seluruh keluarga amat terhibur dan seronok sekali menyertai aktiviti seperti ini”, “Semoga program ini dapat diadakan lagi pada masa akan datang”, katanya lagi.



Ibu-bapa bersama anak-anak dilihat begitu seronok dan teruja untuk menonton filem yang ditayangkan.



Warga kerja bersama keluarga bergambar beramai-ramai selepas aktiviti menonton tamat.

LAWATAN MAJLIS PERBANDARAN ALOR GAJAH MELAKA (MPAG)



LAWATAN yang di adakan pada 8 Januari yang lalu ini disertai oleh seramai 35 orang delegasi yang di wakili oleh Puan Nurul Adawaty binti Haji Ismail, Pengarah Perancang Bandar MPAG. Antara objektif utama lawatan ini ialah bagi melihat serta berkongsi pengalaman dalam kemenangan ‘Anugerah MIP My Place’ (Taman Bandar) oleh MPPG.

Lawatan dimulakan dengan sesi taklimat kemenangan MPPG, seterusnya sesi penerangan di kawasan Tapak Taman Bandar dan Penggunaan Sistem Pengumpulan Air Hujan (SPAH) yang di gunakan oleh MPPG dan inisiatif kejiranan hijau yang dianjurkan oleh MPPG. Delegasi turut dibawa melawat Pasir Gudang Kraft, Kawasan Tapak Semaian MPPG, Taman Bandar Pasir Gudang, Muzium Layang-Layang dan ke Santuari Sarang Buaya Pasir Gudang.

Lawatan berakhir kira-kira jam 2.00 petang selepas jamuan makan tengahari.



Sesi taklimat dan perkongsian yang diadakan di Dewan Cempaka, Aras 20, Menara Aqabah.



Delegasi turut dibawa melawat ke Tapak Semaian MPPG.



Delegasi MPAG bergambar bersama sebelum memulakan sesi lawatan luar.

Karnival Riuh ANTI DADAH PERINGKAT NEGERI JOHOR 2020

PROGRAM KARNIVAL RIUH ANTI DADAH anjuran Persatuan Mencegah Dadah Malaysia (PEMADAM) Negeri Johor dan Aspirasi KARISMA Malaysia telah berlangsung pada 2 Februari hingga 9 Februari 2020 bertempat di Dataran Al-Hamra MPPG, Kompleks Pusat Bandar & UTC Pasir Gudang. Karnival yang membawa slogan “Bersama kita memerangi penyalahgunaan dadah” ini telah dirasmikan oleh YB Datuk Omar Osman, Naib Presiden PEMADAM Kebangsaan Malaysia. Hadir sama dalam majlis perasmian ialah, Tuan Haji Abdul Rahman bin Salleh, Pegawai Daerah Johor Bahru, Tuan Haji Zainor Bin Adani, Yang Dipertua MPPG, Ahli Majlis MPPG serta Ikon Aspirasi Johor Perangi Dadah, Ronie Husin.

Antara objektif utama karnival ini dijalankan adalah untuk memberi aspirasi kepada belia dan anak-anak muda Johor, memberi kesedaran kepada belia betapa buruknya kesan penyalahgunaan dadah, dan memberi galakkan kepada golongan ini dalam menceburi bidang usahawan dan perniagaan. Selain itu, karnival ini dimeriahkan lagi dengan jualan daripada para peniaga dan usahawan Johor. Antara pengisian program sepanjang lapan hari ini ialah aktiviti jualan dan pameran, bengkel, aktiviti sukan, forum hal ehwal islam, bengkel muzik dan persembahan artis jemputan. Perkongsian taklimat berkaitan ‘Pekerja Cemerlang Jauhi Dadah’ turut disampaikan oleh Tuan Haji Kapt. Masuan bin Ali ; TUDM (B) dari Biro Latihan dan Penerangan PEMADAM Kebangsaan. Antara artis-artis yang telah turut hadir memeriahkan karnival ini adalah Ababil, Febians, Hatta Junction, Ronie Husin, Siti Nordiana dan Jaguh Tinju Negara, Farkhan Haron. Semoga karnival yang dianjurkan ini mampu memberikan impak dan kesedaran khusus kepada golongan belia mengenai bahaya dadah dan kesan penyalagunaan dadah dalam hidup terhadap diri, keluarga, masyarakat dan negara.

“

Penyalahgunaan dadah ternyata membawa kerosakan berpanjangan di dalam masyarakat dan keluarga kita. Kepada anda semua generasi muda, WAJIB menjauhi dadah. Kita adalah juara untuk diri kita dan keluarga. Amalkan gaya hidup sihat dan positif.

”

- Muhammad Farkhan Haron, Ikon Aspirasi Johor Perangi Dadah
Light Heavyweight Majlis Tinju Dunia (WBC)
Juara Antarabenua Persekutuan Tinju Antarabangsa (IBF)
Juara Cruiserweight Asia Persatuan Tinju Dunia (WBA)

“

Keluarga, masyarakat serta negara meletakkan harapan yang tinggi kepada anda generasi muda Johor. Sekali anda terjebak dengan apa jua aktiviti penyalahgunaan dadah, harapan itu akan musnah.

”

- Ronie Husin, Ikon Aspirasi Johor Perangi Dadah
Penyanyi dan komposer



Majlis perasmian oleh YB Datuk Omar Osman, Naib Presiden PEMADAM Kebangsaan Malaysia.



Majlis diserikan lagi dengan persembahan artis jemputan, Siti Nordiana.



LENSA MPPG

JANUARI & FEBRUARI

2020



**MAJLIS UNDIAN PEMILIHAN JAWATANKUASA
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) MPPG (21/1/2020)**



**SESI TOWNHALL BERSAMA
PENIAGA UPTOWN BANDAR
SERI ALAM (19/1/2020)**



**MAJLIS SAMBUTAN ULANGTAHUN
YANG DIPERTUA (27/1/2020)**



**PROGRAM UNDI BERKELOMPOK MARRIS
FASA 1 TAHUN 2020 (16/2/2020)**



LAWATAN MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI SAINS, PERUBAHAN IKLIM DAN ALAM SEKITAR (MESTEC) (23/2/2020)



MAJLIS PERSARAAN TUAN HAJI ABDUL GHAPAR BIN DAHLAN KETUA UNIT PENYELENGGARAAN DAN ASET (2/2/2020)



MESYUARAT PERSIJILAN ISO 9001 : 2015 (17/2/2020)





LENSA MPPG

JANUARI & FEBRUARI 2020



**PROGRAM TAKLIMAT RANCANGAN TEMPATAN
PASIR GUDANG 2030 (19/2/2020)**



**WALKABOUT YANG DIPERTUA DI ZON SUNGAI
TIRAM DAN KG. CAHAYA BARU (25/2/2020)**



PROGRAM LAMAN HIJAU MPPG



Unit Korporat dan Perhubungan Awam berjaya menjadi johan bagi peringkat pertama program Laman Hijau MPPG.

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG melalui Jabatan Perancang Bandar dan Landskap telah menganjurkan Program Laman Hijau MPPG yang bertempat di tapak berhampiran Tapak Semaian MPPG. 9 buah jabatan yang terdiri dari bahagian dan unit merupakan peserta dalam program ini yang mempunyai 6 orang ahli dalam setiap kumpulan. Aktiviti ini berjalan selama 3 bulan dimana program bermula dengan menyelenggara tapak, menghadiri taklimat, program menyemai, menanam dan menyelenggara dan menuai hasil. Setiap kumpulan diberi 2 petak seluas 8 x 6 untuk projek penanaman. Setiap kumpulan dibekalkan dengan satu set peralatan yang mengandungi gunting, pisau, cangkul, alat penyiram dan sarung tangan. Jenis sayuran yang dipilih ialah sayur bayam dan sawi.

Antara kebaikan program ini ialah memberi peluang kepada warga kerja merasai pengalaman cara berkebun, memberi pendedahan mengenai ilmu pertanian kepada warga kerja dan turut berkongsi hasil tanaman yang ditanam. Selain itu, program ini turut mengutamakan konsep 3R dalam membangunkan kebun bersama terutama dalam penggunaan kompos sebagai penggalak tanaman, penuaian air hujan dan air sungai juga digunakan bagi siraman tanaman sebagai pengganti air bertapis untuk tanaman serta menggunakan kaedah kompos sisa kebun dan makanan bagi penghasilan baja semula jadi tanpa menggunakan racun serangga atau baja kimia.

Pada Februari yang lalu, hasil tuaian pertama telah dikumpulkan. Unit Korporat dan Perhubungan Awam (UKPA) telah dinobatkan sebagai johan apabila mengumpul hasil timbangan tertinggi iaitu sebanyak 37 kilogram. Penyampaian hadiah telah disampaikan oleh Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor bin Adani. Peringkat kedua akan dijalankan bermula Mac nanti. Diharapkan program laman hijau ini mampu mencapai objektifnya selain mengeratkan silaturahim antara jabatan dan ahli kumpulan, ia juga mampu membentuk gerak kerja yang lebih inovatif dalam pelaksanaan kerja secara berpasukan.

Syabas dan taniah kepada MPPG !



Penyerahan plak nama setiap kumpulan oleh En. Majid bin Saphie selaku wakil Yang Dipertua.



Aktiviti menimbang hasil tanaman setiap jabatan direkodkan bagi mencari pemenang pertandingan ini.



KEJOHANAN LIGA YANG DIPERTUA MPPG EDISI 2019



Yang Dipertua dibawa masuk ke padang bagi sesi memperkenalkan barisan pemain kedua-dua pasukan.



Naib juara membawa pulang wang tunai berjumlah RM7,000.00 beserta piala irungan dan medal.

PERLAWANAN ini merupakan perlawan akhir bagi Kejohanan Liga Perdana Pasir Gudang Piala Yang Dipertua bagi musim 2019. Sebanyak 32 buah pasukan telah menyertai kejohanan bagi musim kali ini. Perlawan akhir bagi edisi 2019 ini melibatkan perlawan pasukan Kangkar Pulai FC menentang pasukan Iskandar FC.

Pemain berjersi nombor 4, Korie Chinedu Joseph menyumbang gol pertama pasukan Iskandar FC, Manakala Danial Aiman Azmi yang menyarung jersi bernombor 11 menamatkan impian Kangkar Pulai FC bagi merebut gelaran juara. Perlawan ini tamat dengan kemenangan 2-0 berpihak kepada pasukan Iskandar FC. Johan pertandingan telah membawa pulang wang tunai RM15,000.00, medal dan piala pusingan. Seterusnya, Naib Johan jatuh kepada pasukan Kangkar Pulai FC membawa pulang wang tunai RM7,000.00 dan medal. Manakala ketiga bersama dimenangi oleh pasukan MPPG SC dan JMF FC dengan membawa pulang wang tunai RM3,000.00 beserta medal.

Perlawan disaksikan oleh Tuan Haji Zainor bin Adani Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang. Seterusnya, Majlis penyampaian hadiah telah disempurnakan oleh Pn Hajah Rahamah binti Mahmood, Ketua Jabatan Pembangunan Masyarakat wakil rasmi Yang Dipertua MPPG. Tahniah diucapkan kepada semua pasukan yang berjaya.



MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN UTC PASIR GUDANG 2018/2019



MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN UTC PASIR GUDANG 2018-2019 telah berlangsung pada 28 Januari 2020 di Paduka Event Hall, Eco Tropics yang telah dirasmikan oleh Yang Berbahagia, Tuan Abu Bakar bin Haji Jambol, Ketua Setiausaha Bahagian Strategi Korporat dan Komunikasi Kementerian Kewangan Malaysia, selaku wakil rasmi kepada Ketua Setiausaha Perbendaharaan Kewangan Malaysia. Turut hadir sama dalam majlis ini, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Pasir Gudang, Tuan Haji Zainor Bin Adani, Ketua Pengarah Negeri setiap agensi di UTC Pasir Gudang, Ahli-Ahli Majlis, MPPG, Tuan Haji Abdul Hakim bin Abd Manap Setiausaha MPPG, Ketua-Ketua Jabatan serta anggota warga kerja jabatan dan agensi di bawah pengurusan UTC Pasir Gudang.

Majlis dimulakan dengan ucapan aluan Yang Dipertua, seterusnya ucapan perasmian telah disampaikan oleh Yang Berbahagia Tuan Abu Bakar bin Jambol, dan upacara memotong kek turut diadakan simbolik perasmian majlis. Tujuan program ini adalah untuk memberi penghargaan kepada agensi-agensi yang telah memberikan sumbangan secara langsung ataupun tidak langsung sepanjang penubuhan UTC Pasir Gudang. Sebanyak lapan anugerah telah di sampaikan. Sijil Penghargaan turut diberikan kepada semua agensi UTC di Pasir Gudang. Sijil penghargaan kepada warga kerja Kompleks Pusat Bandar Pasir Gudang Encik Mohaini bin Mohammad yang bersara pada 2019 turut di sampaikan. Majlis turut diserikan dengan persembahan tarian dan artis jemputan serta acara cabutan bertuah.



WALKABOUT

YDP BANTU SELESAI MASALAH SETEMPAT DI ZON PASIR PUTIH DAN ZON KOTA MASAI 1

WALKABOUT YDP MPPG yang diadakan di Zon Pasir Putih dan Kota Masai 1 adalah bagi mengenalpasti dan seterusnya menyelesaikan masalah-masalah yang dibangkitkan oleh penduduk di zon terbabit. Bertarikh 18 Januari 2020, program dimulakan dengan Majlis Perasmian Pusat Tuisyen Komuniti Yayasan Pasir Gudang Taman Pasir Putih yang dirasmikan oleh Yang Dipertua MPPG, Tuan Haji Zainor bin Adani. Seterusnya, Yang Dipertua, Pengerusi Zon Pasir Putih, Tuan Haji Mohd Nasir bin Haji Mohd Yunos serta jawatankuasa zon dibawa meninjau lokasi aduan penduduk. Pada sebelah petang pula, *walkabout* diteruskan dengan zon yang terlibat, Zon Kota Masai 1, bersama Pengerusi Zon, Encik Mohd Ramly bin Ahmad.



Antara isu yang diambil tindakan mengikut zon ialah sebagaimana berikut :

ZON PASIR PUTIH

BIL	LOKASI	ISU	CADANGAN
1.	Taman Permainan di Jalan Selasih 10	Masalah pejalan kaki, dan kerosakan buaian kanak-kanak.	Menggantikan batu <i>interlocking</i> dan buaian kanak-kanak.
2.	Laluan bersebelahan Gelanggang Futsal di Jalan Selasih 10 dan Balai Komuniti	Masalah tiada jalan ke Balai Komuniti untuk pelajar tuisyen.	Membuat jalan premis dari kawasan parkir ke Balai Komuniti. Tertakluk kepada peruntukan.
3.	Susur keluar dari Jalan Siakap ke Jalan Pasir Putih	Masalah susur sediada sempit dan pendek menyebabkan Kenderaan sesak ke Jalan Pasir Putih/ Pusat Bandar.	Membuat pelebaran jalan dari kawasan pekedaian ke lampu isyarat dan menjadikan jalan tersebut tiga lorong.
4.	Parkir diluar kawasan sekolah SMK Pasir Putih	Masalah <i>parkir</i> motorsikal yang rosak dan membahayakan pengguna jalan raya.	Membuat parkir dengan menebang pokok, premix kawasan parkir dan melebarkan jalan di kawasan tersebut.



Yang Dipertua bersama Pengerusi Zon Pasir Putih Tuan Haji Mohd Nasir bin Haji Mohd Yunos merasmikan Pusat Tuisyen Yayasan Pasir Gudang Taman Pasir Putih.

ZON KOTA MASAI 1

BIL	LOKASI	ISU	CADANGAN
1.	Masalah Taman Permainan Dan Gelanggang Futsal Di Jalan Betik	Ketiadaan pagar keliling yang boleh menyebabkan orang awam atau kanak-kanak bermain sehingga ke parit. Kawasan sekitar juga gelap tanpa pencahayaan di waktu malam. Tapak gelanggang futsal kecil tidak menepati standard padang futsal.	<ul style="list-style-type: none"> • Menaiktaraf pagar dari jenis 'anti climb' yang menghadap ke parit. • Menaiktaraf gelanggang futsal.
2.	Menaiktaraf Balai Komuniti Zon Betik	Keperluan kemudahan tandas dan penggunaan air di Balai Komuniti untuk kemudahan penduduk menjalankan aktiviti.	Menaiktaraf kemudahan asas tandas dan keperluan air.
3.	Masalah Saliran Dan Sungai	Masalah semak dan tumbuhan liar perimeter sungai.	Cadangan kerja pembersihan.
4.	Masalah Air Kumbahan	Masalah air kumbahan yang mengalir ke longkang dan terus ke Sungai Kim Kim (<i>by pass sewerage</i>).	Cadangan menaiktaraf paip kumbahan.



Yang Dipertua bersama Setiausaha dan Pengerusi Zon meninjau lokasi aduan dibuat.



WALKABOUT BERSAMA YANG DIPERTUA DI ZON TANJUNG PUTERI

PROGRAM YANG DIPERTUA TURUN PADANG ZON TANJUNG PUTERI
telah diadakan pada 12 Januari 2020 yang lalu. Program dimulakan dengan taklimat perkongsian isu yang dibangkitkan oleh penduduk. Seterusnya program diteruskan dengan melawat kawasan tapak.

Antara isu yang diambil tindakan ialah sebagaimana berikut :

BIL	LOKASI	ISU	CADANGAN
1.	Pantai Kg. Pasir Putih	Masalah longkang di Jalan Pantai yang menyebabkan berlakunya banjir kilat sebelum hujan lebat.	Penyelenggaraan sistem saliran.
2.	Apartment Tanjung Puteri	Masalah longkang runtuh dalam kawasan apartment	kerja-kerja pembaikan terhadap kererosakan longkang tersebut.
3.	Gelanggang Futsal & Taman Permainan	Jalan Lampam 21, Taman Tanjung Puteri Resort	Penyelenggaraan taman permainan kanak-kanak Permohonan <ul style="list-style-type: none"> • 2 unit tandas • 1 unit stor Simpanan peralatan • Gelanggang sepak takraw • Tempat duduk penonton
4.	Kawasan Lapang	Jalan Seluang, Taman Tanjung Puteri Resort	Memohon pembinaan sebuah balai komuniti.



Yang Dipertua meninjau lokasi aduan isu yang diajukan oleh Jawatankuasa Penduduk.



Yang Dipertua bergambar bersama Jawatankuasa Penduduk Zon Tanjung Puteri.

YAYASAN PASIR GUDANG

MAJLIS PENYERAHAN BANTUAN PERMULAAN IPTA/IPTS FASA 4/2019

TARIKH : 12 JANUARI 2020 (AHAD)
MASA : 11.00 PAGI
TEMPAT : PEJABAT YPG, ARAS 2, MENARA AQABAH, MPPG

Majlis diadakan bertempat di Pejabat Yayasan Pasir Gudang, Aras 2, Menara Aqabah MPPG. Seramai 9 orang pelajar menerima manfaat daripada bantuan ini. Sumbangan dalam bentuk wang ringgit sebagai bantuan kepada pelajar yang melanjutkan pengajian di peringkat diploma dan ijazah sarjana muda di IPTA dan IPTS sepenuh masa dalam malaysia.



MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN PERAYAAN TAHUN BARU CINA 2020

TARIKH : 16 JANUARI 2020 (KHAMIS)
MASA : 8.00 MALAM
TEMPAT : DEWAN RAYA JALAN SURIA, BANDAR SERI ALAM

Majlis diadakan bertempat di Dewan Raya Jalan Suria, Bandar Seri Alam. Penyerahan sumbangan telah disempurnakan oleh Yang Berhormat Dato' Hj Che Zakaria bin Mohd Salleh, ADUN Permas. Hadir sama Yang Berhormat Steven Choong Shiao Yoon, Ahli Parlimen Tebrau. Seramai 195 orang penerima berbangsa cina yang meraikan perayaan Tahun Baru Cina telah menerima sumbangan tersebut. Setiap penerima menerima sumbangan barang keperluan asas bernilai RM70 dan sumbangan tunai bernilai RM80 daripada Yayasan Pasir Gudang.





LAMAN INFO

MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



SALURAN ADUAN MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG



TELEFON

07-254 7777



FAKS

07-251 5260



EMEL

mppg@johor.gov.my



SKUAD TINJAU

013-377 1710

APLIKASI MUDAH ALIH
DARIPADA KPKT



UNTUK BERITA DAN INFORMASI LAYARI

Majlis Perbandaran Pasir Gudang & Yang Dipertua MPPG